

# Dr. M dijangka menang tanpa tanding

KUALA LUMPUR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka menang tanpa bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO, di perhimpunan agung parti itu pada 14 September depan.

Dato Seri Dr. Mahathir sekarang ialah salah seorang dari Naib Presiden UMNO di samping Tengku Razaleigh Hamzah dan Encik Abdul Ghafar Baba.

Encik Mohamad Khir Johari yang dicalonkan untuk merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO itu dijangka menarik diri dan hanya akan bertanding bagi kerusi ahli Majlis Tertinggi, demikian menurut sumber-sumber UMNO, di sini hari ini.

Bagaimanapun, Ja-

watan Presiden UMNO akan ditandingi antara Pemangku Presiden sekarang, Datuk Hussein Onn dan bekas Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Haji Sulaiman Palestin.

Haji Sulaiman berkata di Kulim hari ini, beliau tidak akan menarik diri.

Hanya enam daripada 114 Bahagian UMNO di seluruh negara iaitu Sungai Besi, Repong, Petaling, Kuala Selangor, Kulim Bandar Baru dan Bukit Bendera telah mencalonkan Haji Sulaiman untuk jawatan Presiden UMNO itu.

## Pinjaman

BANGKOK, Khamis — Bank Dunia telah meluluskan pinjaman AS\$4.9 juta kepada pertubuhan gas asli Thailand untuk projek salu-ran gasnya. — Reuter.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia